

**DR 8 TAHUN 2019
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS**


**MAKLUM BALAS KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR2/2019)**

PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA KEMUDAHAN SEDIA ADA DI
KOMPLEKS SUKAN NEGARA BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR (PROJEK 1) DI
BAWAH KAEDAH *PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP* DI BAWAH
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAKLUM BALAS KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN
(DR2/2019)**

| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|--|-------------------|
| 1 | LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA KEMUDAHAN SEDIA ADA DI KOMPLEKS SUKAN NEGARA BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR (PROJEK 1) DI BAWAH KAEDAH <i>PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP</i> DI BAWAH KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) | 1 - 3 |
| 2 | MAKLUM BALAS MOF BAGI SYOR-SYOR LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN DR2/2019 | 4 - 14 |

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK
PEMBANGUNAN SEMULA
KEMUDAHAN SEDIA ADA DI
KOMPLEKS SUKAN NEGARA BUKIT
JALIL, KUALA LUMPUR (PROJEK 1) DI
BAWAH KAEDAH *PUBLIC PRIVATE
PARTNERSHIP* DI BAWAH
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
(KBS)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN**

**TERHADAP
MAKLUM BALAS KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR2/2019)
BERHUBUNG**

**PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA
KEMUDAHAN SEDIA ADA DI KOMPLEKS SUKAN NEGARA
BUKIT JALIL,
KUALA LUMPUR (PROJEK 1) DI BAWAH KAEDAH
PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP
DI BAWAH
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)**

1. LATAR BELAKANG

Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen mengadakan prosiding Pengurusan Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ), Kuala Lumpur (Projek 1) di bawah Kaedah *Public Private Partnership* (PPP) oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 9 Januari 2019 iaitu dalam mesyuarat Bilangan 2/2019.

Isu ini adalah merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2 dan dibentangkan di Parlimen pada 3 Disember 2018.

Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dengan Pengurusan Projek tersebut iaitu Ketua Setiausaha (KSU) KBS selaku Pegawai Pengawal kementerian dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) untuk memberi penjelasan serta keterangan terhadap tindakan yang telah diambil terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2 tersebut.

Jawatankuasa ini, kemudian membentangkan Laporan PAC Parlimen terhadap Pengurusan Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ), Kuala Lumpur (Projek 1) di bawah Kaedah *Public Private Partnership* (PPP) oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di Dewan Rakyat pada 14 Mac 2019.

Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan enam (6) syor yang perlu diambil tindakan oleh Pegawai Pengawal KBS / KSU KBS.

Arahan Perbendaharaan 304 (b) menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat :

- i. Kementerian Kewangan (MOF) dikehendaki memaklumkan kepada Pegawai Pengawal berkenaan perenggan di dalam Laporan PAC Parlimen yang melibatkan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan masing-masing.
- ii. Pegawai Pengawal / KSU berkenaan perlu mengambil tindakan seperti disyorkan oleh PAC Parlimen dan melaporkan kepada MOF tentang tindakan yang telah diambil atau kedudukan semasa perkara yang dibangkitkan oleh PAC Parlimen.
- iii. MOF menyedia dan mengemukakan satu memorandum muktamad kepada PAC Parlimen mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam Laporan PAC Parlimen berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada Pegawai-pegawai Pengawal / KSU. Memorandum ini perlu disediakan dengan segera dan dibentangkan kepada PAC Parlimen untuk makluman dan tindakan lanjutan yang mana perlu.

Sehubungan itu, MOF bersama-sama dengan Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) serta Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) telah memberikan taklimat berhubung maklum balas Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen DR2/2019 di hadapan Jawatankuasa Tetap Parlimen ini pada 16 Julai 2019.

2. PENDAHULUAN

- 2.1. Pengurusan Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ), Kuala Lumpur (Projek 1) di bawah Kaedah *Public Private Partnership* (PPP) oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2.
- 2.2. Selaras dengan Perkara 77 1(c), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Arahan Perbendaharaan 304 (a), Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membawa isu ini ke Prosiding PAC Parlimen Bilangan 2 Tahun 2019 pada 9 Januari 2019.
- 2.3. Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada di KSNBJ, Kuala Lumpur (Projek 1) di bawah Kaedah PPP oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 14 Mac 2019.
- 2.4. YB Pengerusi PAC Parlimen kemudian menulis surat nombor rujukan PAR/PAC 3/25 Jld.64(61) kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) bertarikh 1 April 2019 dan mengemukakan syor-syornya berhubung Laporan PAC Parlimen DR2/2019 kepada Pegawai Pengawal KBS dan memohon supaya tindakan susulan diambil selaras dengan Arahan Perbendaharaan Perenggan 304 (b).
- 2.5. YBhg Dato' Othman Semail, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) serta YBhg. Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah, KSU KBS dan Encik Nik Razeen Adam Daud, KPE PSM memberikan taklimat berkenaan kepada PAC Parlimen pada 16 Julai 2019.

**MAKLUM BALAS MOF
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN DR2/2019**

3. MAKLUM BALAS KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

- 3.1. **Syor 1: Penyediaan SOP bagi menghasilkan penyenggaraan secara menyeluruh dan komprehensif bagi memastikan aset Kerajaan diguna dengan baik bagi memanjangkan tempoh hayat penggunaan aset tersebut.**


Maklum Balas KBS/PSM

- 3.1.1. PSM menerima pakai Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012, Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA) dan merujuk pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai tatacara operasi dan senggara yang sewajarnya.
- 3.1.2. Bagi memantapkan lagi pengurusan fasiliti, PSM telah membangunkan *Standard Operating Procedure* (SOP) secara menyeluruh ke atas semua fasiliti yang memerlukan penyenggaraan untuk memenuhi standard operasi yang ditetapkan. Perincian skop kerja penyenggaraan seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Perincian Skop Kerja Penyenggaraan

| Skop | Perincian |
|-------------------------|---|
| Mekanikal dan elektrik | <ol style="list-style-type: none">1. Sistem lif dan eskalator2. Sistem audio visual3. Kerja-kerja perkhidmatan elektrik (Suruhanjaya Tenaga)4. <i>Air cond mechanical ventilation</i> (ACMV)5. Pencegah kebakaran & penggera bomba (I SCADA) |
| Kebersihan dan landskap | <ol style="list-style-type: none">1. Padang bola sepak2. Kebersihan dan landskap3. Padang sintetik hoki dan futsal4. Trek larian sintetik5. Pembersihan fasad (Stadium Nasional, Axiata Arena dan Pusat Akuatik)6. Pembersihan bumbung membran (Stadium Nasional dan Pusat Akuatik)7. <i>Pest Control</i> |

3.1.3. PSM juga telah menyediakan Pelan Perancangan Penyenggaraan bagi meningkatkan keupayaan operasi dan alatan, memfokuskan penyenggaraan yang kritikal dan menjimatkan masa dalam proses pemeriksaan dan penyenggaraan. Pelan Perancangan Penyenggaraan seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Pelan Perancangan Penyenggaraan

Maklum Balas JKR

3.1.4. Bagi aset-aset Kerajaan secara keseluruhan, Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan TPATA melalui Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 bertarikh 21 Jun 2012 bertujuan memastikan penyenggaraan secara menyeluruh dan komprehensif terhadap semua aset kerajaan.

- 3.1.5. TPATA secara jelas memperincikan peranan dan tanggungjawab pihak-pihak berkaitan dalam pengurusan aset Kerajaan bagi mencapai faedah aset yang optimum melalui amalan terbaik pengurusan aset.
- 3.1.6. Prosedur pengurusan aset yang diterangkan dalam TPATA menjelaskan perkara-perkara berikut:
- i. Fasa Penerimaan
 - Menerima dan mendaftarkan aset
 - ii. Fasa Operasi dan Senggara
 - Menentukan strategi pelaksanaan operasi dan senggara aset;
 - Menyediakan skop dan tahap perkhidmatan operasi dan senggara aset;
 - Memohon peruntukan; dan
 - Melaksanakan operasi dan senggara secara dalaman (*in-house*) atau sumber luaran (*outsource*) melalui pendekatan penyenggaraan pembaikan (reaktif), pengurusan penyenggaraan (proaktif) atau pengurusan fasiliti (fokus pelanggan) mengikut kesesuaian dan keperluan aset.
 - iii. Fasa Penilaian
 - Melaksanakan penilaian keadaan dan prestasi aset
 - iv. Fasa Pemulihan/ubah suai/naik taraf
 - Melaksanakan kerja-kerja berkaitan pemulihan/ubah suai/naik taraf
 - v. Fasa Pelupusan
 - Melaksanakan pelupusan aset, kehilangan dan hapus kira aset.

- 3.2. Syor 2: PSM harus menyediakan anggaran keperluan untuk membiayai kos penyenggaraan yang mencukupi bagi KSNBJ termasuk kajian penanda aras pengurusan stadium terbaik di negara lain.

Maklum Balas KBS/PSM

- 3.2.1. Bagi memastikan penyenggaraan secara menyeluruh dan lebih berkesan, peruntukan tambahan diperlukan bagi membiayai kos penyenggaraan. Anggaran peruntukan tambahan bagi tempoh lima (5) tahun PSM seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Anggaran Peruntukan Tambahan PSM Tahun 2020 - 2024

| KOS TERLIBAT | | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
|--|---|------------------|------------------|-------------------|------------------|------------------|
| | | (RM) | | | | |
| DASAR BAHARU | | | | | | |
| Kos Kontrak Penyenggaraan Tetap | | | | | | |
| 1 | i. Penyenggaraan <i>Facade</i> | 600,000 | 600,000 | 600,000 | 600,000 | 600,000 |
| | ii. Penyenggaraan Peralatan Elektrikal | 1,400,000 | 1,400,000 | 1,400,000 | 1,400,000 | 1,400,000 |
| Keperluan Sumber Manusia | | | | | | |
| 2 | i. Pertambahan Perjawatan | 2,245,842 | 2,332,422 | 2,419,002 | 2,505,582 | 2,582,162 |
| ONE OFF | | | | | | |
| Pembaikan Venue | | | | | | |
| 3 | i. Pusat Skuasy Nasional | 1,000,000 | | | | |
| | ii. Kompleks Sukan Bukit Kiara | | 2,000,000 | | | |
| | iii. Kompleks Sukan Jalan Duta | | | 3,000,000 | | |
| | iv. Kompleks Sukan Setia Wangsa | | 1,500,000 | | | |
| | v. Kompleks Sukan Shah Alam (Panasonic) | | 2,000,000 | | | |
| Keperluan Projek Pembangunan | | | | | | |
| 4 | i. Pembinaan Bengkel | 2,000,000 | | | | |
| | ii. Pembinaan Bangunan Pejabat | | | 3,000,000 | | |
| 5 | Keperluan Peralatan | | | 200,000 | | |
| 6 | Kos Perisian Penyenggaraan | 1,000,000 | | | | |
| 7 | Kos Kajian Penanda Aras | 500,000 | | | | |
| Jumlah | | 8,745,842 | 9,832,422 | 10,619,002 | 4,505,582 | 4,592,162 |

- 3.2.2. KBS dan PSM melalui Mesyuarat Penyelarasan Kegunaan Bagi Peruntukan Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang telah diadakan pada 22 Ogos 2019 telah bersetuju untuk menggunakan baki peruntukan KSNBJ untuk membiayai kos seperti di Jadual 2 untuk tempoh tiga (3) tahun bermula tahun 2020 hingga 2022.
- 3.2.3. Berhubung kajian penanda aras untuk stadium terbaik dunia, PSM telah merancang beberapa siri lawatan ke negara-negara yang telah berjaya menguruskan stadium dengan baik yang boleh dijadikan contoh terutamanya dalam aspek pengurusan, penyenggaraan, perniagaan dan kualiti venue seperti Australia (Sukan Komanwel 2018), Jepun (Sukan Olimpik 2020) dan lain-lain.
- 3.2.4. Sebagai langkah awal PSM telah berhubung dengan syarikat AEG Ogden (AEG) yang merupakan penganjur bagi acara sukan dan hiburan peringkat antarabangsa. Pihak AEG juga merupakan pengurus dan penyenggara di *Kuala Lumpur Convention Centre* bagi *Conference Petronas*. Pihak AEG telah menjemput PSM untuk mengadakan lawatan ke venue di bawah seliaan AEG seperti berikut:
- i. *Conference of Venue Management Association* di Melbourne, Australia (26-28 Mei 2019)
 - ii. Suncorp Stadium di Brisbane, Australia (29 – 31 Mei 2019)

Di samping itu, PSM turut merancang untuk mengadakan Lawatan penanda aras di lokasi-lokasi berikut:

- i. National Stadium Kasumigaoka di Shinjuku, Jepun (Oktober 2019)
- ii. The O2, London, Olympic Village di London, UK (Mac 2020)
- iii. Mercedes-Benz Arena, Shanghai, China (Ogos 2020)

Kos kajian penanda aras bagi tahun 2019 dibiayai oleh peruntukan sedia ada PSM manakala bagi tahun 2020 kos *one off* dianggarkan berjumlah RM500,000.

- 3.3. **Syor 3: PSM perlu menyediakan *revenue expenditure forecast* untuk memastikan bahawa terdapat dana yang secukupnya untuk membiayai penyenggaraan kesemua stadium di bawah seliaan PSM. PAC juga meminta KBS untuk menyediakan bajet dan anggaran peruntukan tambahan sekiranya PSM tidak dapat menjana dana secukupnya.**

Maklum Balas KBS/PSM

3.3.1. Secara keseluruhan, meskipun unjuran penjana pendapatan PSM dijangka meningkat, namun memandangkan kos operasi termasuk kos penyenggaraan yang turut meningkat, maka PSM masih memerlukan sokongan peruntukan kewangan daripada Kerajaan bagi memastikan fungsi agensi dan fasiliti yang dinaik taraf berada pada tahap terbaik untuk digunakan dalam tempoh masa yang lama. Faktor peningkatan kos penyenggaraan disebabkan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Faktor usia dan keadaan sebahagian peralatan yang uzur di *venue* yang tidak dinaik taraf dalam projek pembangunan semula seperti Stadium Nasional, Pusat Squasy Nasional dan Stadium Hoki Nasional kerana ia tidak termasuk dalam skop projek seperti tandas dan kemudahan awam;
- ii. Penggunaan sistem dan peralatan yang terkini seperti sistem pencegah kebakaran, sistem siaraya dan sistem penyaman udara;
- iii. Pertambahan kemudahan seperti sistem fasad, kawasan plaza dan infra.

3.3.2. **Jadual 3** merupakan *revenue expenditure forecast* PSM bagi tahun 2020 hingga 2024 (5 tahun).

Jadual 3: Revenue Expenditure Forecast PSM Tahun 2020 - 2024

| UNJURAN PENDAPATAN PERBELANJAAN | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
|------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| | (RM) | | | | | |
| PENDAPATAN | | | | | | |
| i. Pendapatan PSM | 30,000,000 | 36,500,000 | 38,325,000 | 40,241,250 | 42,253,313 | 44,365,978 |
| ii. Geran Kerajaan | 17,000,000 | 15,000,000 | 15,000,000 | 15,000,000 | 15,000,000 | 15,000,000 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 47,000,000 | 49,000,000 | 53,325,000 | 55,241,250 | 57,253,313 | 59,365,978 |
| PERBELANJAAN | | | | | | |
| i. Perbelanjaan | 39,589,178 | 48,597,190 | 51,027,050 | 53,578,402 | 56,257,322 | 59,070,188 |
| ii. Perbelanjaan Tambahan | 4,500,000 | - | - | - | - | - |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 44,089,178 | 48,597,190 | 51,027,050 | 53,578,402 | 56,257,322 | 59,070,188 |
| SURPLUS/DEFISIT | 2,910,822 | 402,810 | 2,297,950 | 1,662,848 | 995,991 | 295,790 |

3.3.3. Unjuran pendapatan PSM tahun 2019 ialah RM30 juta berbanding tahun 2018 sebanyak RM26.7 juta tanpa mengambil kira bantuan Kerajaan. Namun demikian, pendapatan tersebut masih belum mencukupi untuk menampung perbelanjaan PSM memandangkan kos bagi penyenggaraan semakin meningkat.

3.3.4. Daripada RM17 juta geran Kerajaan, RM3.58 juta diperuntukkan bagi membiayai kos penyenggaraan berbanding kos sebenar RM13.2 juta. Buat masa ini, baki kos penyenggaraan berjumlah RM9.6 juta ditampung oleh pendapatan dijana PSM. PSM turut perlu menampung baki kos-kos lain yang dianggar berjumlah RM13 juta menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan PSM pada tahun 2019 berjumlah RM39.6 juta.

3.3.5. Selain kos penyenggaraan RM13.2 juta setahun, PSM juga memerlukan peruntukan tambahan RM4.5 juta setahun bagi menampung tambahan kos penyenggaraan bagi tempoh 5 tahun mendatang seperti yang dinyatakan pada Jadual 2.

- 3.4. Syor 4: Mengesyorkan PSM bekerjasama dengan RJSB untuk menyediakan SOP dan juga latihan bagi kakitangan PSM serta membangunkan dokumen tender bagi kontrak penyenggaraan stadium yang menyeluruh dalam tempoh DLP yang akan berakhir pada 21 Julai 2019.

Maklum Balas KBS/PSM

3.4.1. PSM dan Rukun Juang Sdn Bhd (RJSB) telah bekerjasama bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan kakitangan PSM melalui:

- i. SOP penyenggaraan menyeluruh untuk semua peralatan mekanikal dan elektrik telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Fasilitas PSM pada 1 Ogos 2019 dan Mesyuarat Lembaga PSM Bil.3/2019 pada 15 Ogos 2019 yang secara dasarnya bersetuju dengan SOP tersebut dan perlu diperhalusi melalui Mesyuarat Lembaga Khas PSM; dan
- ii. Latihan pengendalian bagi peralatan dan sistem yang terdapat di *Kuala Lumpur Sport City (KLSC)* yang telah selesai pada 28 Februari 2019. Seramai 15 orang kakitangan PSM telah menyertai latihan ini yang merangkumi perkara-perkara seperti di Jadual 4:

Jadual 4: Latihan Pengendalian Peralatan dan Sistem

| No. | SISTEM | TARIKH |
|-----|---|------------|
| 1 | Lampu <i>Programmable Logic Control (PLC)</i> | 20.02.2019 |
| 2 | Sistem Pencegah Kebakaran | 21.02.2019 |
| 3 | <i>Public Address System</i> | 25.02.2019 |
| 4 | <i>Lift and Escalator</i> | 25.02.2019 |
| 6 | <i>Cold Water and Plumbing</i> | 27.02.2019 |
| 7 | <i>Air Cond and Mechanical Ventilation (ACMV)</i> | 27.02.2019 |
| 8 | <i>Electrical Services</i> | 28.02.2019 |

PSM turut telah membuat rakaman semasa sesi latihan yang dilaksanakan bagi memudahkan semua kakitangan PSM yang terlibat merujuk kepada maklumat dan latihan yang diberikan.

- 3.4.2. Kerja-kerja penyenggaraan asas yang melibatkan *venue* kecil akan dilaksanakan sendiri oleh PSM bagi menjimatkan kos manakala bagi penyenggaraan yang melibatkan kepakaran tertentu, PSM melantik kontraktor pakar untuk memastikan peralatan dan sistem berada pada tahap terbaik dan boleh digunakan dalam tempoh masa yang lama.
- 3.4.3. PSM telah melantik kontraktor pakar bagi melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan dan penyenggaraan seperti:
 - i. Kebersihan dan landskap;
 - ii. Sistem lif dan eskalator;
 - iii. Padang bola sepak;
 - iv. Padang sintetik hoki dan futsal;
 - v. Trek larian sintetik di dalam dan luar Stadium Nasional;
 - vi. Pembersihan fasad (Stadium Nasional, Axiata Arena, Pusat Akuatik);
 - vii. Pembersihan bumbung membran (Stadium Nasional, Pusat Akuatik);
 - viii. Sistem audio visual;
 - ix. Jurutera perkhidmatan elektrik (Suruhanjaya Tenaga);
 - x. Pest Control;
 - xi. Air Cond Mechanical Ventilation (ACMV); dan
 - xii. Pencegah kebakaran dan penggera bomba (I SCADA).
- 3.4.4. PSM juga akan melaksanakan sendiri perkhidmatan penyenggaraan secara berperingkat melibatkan *venue* yang kecil. Justifikasi pelaksanaan perkhidmatan penyenggaraan secara dalaman seperti perbandingan di Jadual 5.

**Jadual 5: Perbandingan Perkhidmatan Penyenggaraan Secara
Dalam dengan Kontraktor Luar**

| PERKARA | IN-HOUSE | SPECIALIST | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--------------------|---------------|-----------------|-------------------------|--------------|--------------|--------------------------|--------------|--------------|-------------|--------------|--------------|---------------|---------------------|---------------------|
| Kakitangan | Melahirkan kakitangan yang efektif dalam penyenggaraan dan pakar | Kepakaran hanya fokus pada satu bidang dan ia merupakan kakitangan kontraktor | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kawalan | Mudah mengawal dan memberi arahan mengikut keperluan PSM | Sukar untuk memastikan kontraktor mengikut arahan dari PSM dan kadangkala terdapat kerenah birokrasi | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kos | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis perkhidmatan</th> <th>In-house (RM)</th> <th>Specialist (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kebersihan dan Landskap</td> <td>2,353,985.00</td> <td>2,438,000.00</td> </tr> <tr> <td>Mekanikal dan Elektrikal</td> <td>2,947,470.00</td> <td>3,079,200.00</td> </tr> <tr> <td>Keselamatan</td> <td>1,652,040.00</td> <td>3,442,164.24</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">Jumlah</td> <td>6,953,495.00</td> <td>8,959,364.24</td> </tr> </tbody> </table> | | | Jenis perkhidmatan | In-house (RM) | Specialist (RM) | Kebersihan dan Landskap | 2,353,985.00 | 2,438,000.00 | Mekanikal dan Elektrikal | 2,947,470.00 | 3,079,200.00 | Keselamatan | 1,652,040.00 | 3,442,164.24 | Jumlah | 6,953,495.00 | 8,959,364.24 |
| Jenis perkhidmatan | In-house (RM) | Specialist (RM) | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kebersihan dan Landskap | 2,353,985.00 | 2,438,000.00 | | | | | | | | | | | | | | | |
| Mekanikal dan Elektrikal | 2,947,470.00 | 3,079,200.00 | | | | | | | | | | | | | | | |
| Keselamatan | 1,652,040.00 | 3,442,164.24 | | | | | | | | | | | | | | | |
| Jumlah | 6,953,495.00 | 8,959,364.24 | | | | | | | | | | | | | | | |

- 3.5. Syor 5: KBS dan PSM perlu mendapatkan dan menyimpan dokumen-dokumen penting berkaitan projek seperti *as-built drawing* serta rekod penyenggaraan di dalam format digital dan perlu disimpan dengan baik.

Maklum Balas KBS/PSM

- 3.5.1. RJSB telah menyerahkan *as-built drawing* dan *Operations and Maintenance Manuals* kepada KBS pada November 2017 iaitu selepas *Certificate of Practical Completion (CPC)* dikeluarkan. Walau bagaimanapun, setelah semakan dokumen dibuat pada 5 Julai 2019, terdapat pembedulan ke atas dokumen tersebut. RJSB sedang melaksanakan tindakan pembedulan dan perlu menyerahkan kepada KBS/PSM selewat-lewatnya pada 21 Oktober 2019.

(Setakat 23 Ogos 2019, syor masih dalam tindakan pihak RJSB)

- 3.6. **Syor 6: Mengesyorkan supaya Ketua Audit Negara untuk melaksanakan audit susulan terhadap PSM selepas 2 tahun dari tarikh laporan PAC dibentangkan sebelum dikemukakan semula kepada PAC.**

Maklum Balas Jabatan Audit Negara (JAN)

- 3.6.1. Bahagian Susulan Audit (BSA), JAN sedang menyusul tindakan penambahbaikan oleh PSM terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dari semasa ke semasa melalui *Auditor General's Dashboard* (AGD) sehingga semua isu selesai dan diambil tindakan sewajarnya.
- 3.6.2. Terdapat 13 isu/syor yang dibangkitkan dalam LKAN 2017 Siri 2 bagi projek ini yang memerlukan tindakan penambahbaikan. Status terkini setakat 15 Ogos 2019 terhadap 13 isu tersebut, didapati lapan (8) isu telah diambil tindakan dan baki lima (5) isu masih dalam tindakan.
- 3.6.3. JAN turut memaklumkan telah merancang untuk melaksanakan audit susulan pada akhir tahun 2020 dan dijangka dilaporkan pada tahun 2021. Fokus utama audit susulan berikutnya berkenaan aspek penyenggaraan dan penyewaan oleh PSM.

(Setakat 23 Ogos 2019, syor masih dalam tindakan pihak KBS/PSM)

4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan Pegawai Pengawal KBS yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh MOF/KBS/PSM selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).